

Edisi Jan – Apr 2020

LAWATAN RASMI MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR (KASA)

Pada 16 Mac 2020, YB Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri KASA dan YB Senator Dato' Dr. Ahmad Masrizal bin Muhammad, Timbalan Menteri KASA telah mengadakan lawatan rasmi ke Ibu Pejabat, MET Malaysia. Lawatan kerja ini merupakan lawatan pertama YB Menteri dan YB Timbalan Menteri sejak dilantik sebagai Menteri dan Timbalan Menteri pada 10 Mac 2020 yang lalu. Lawatan rasmi ini dijalankan selaras dengan kedudukan MET Malaysia yang kini diletakkan di bawah KASA. Sesi pembentangan berkaitan fungsi, peranan dan pencapaian Jabatan telah disampaikan oleh YBrs. En. Jailan bin Simon, Ketua Pengarah MET Malaysia. YB Menteri turut menyampaikan amanatnya dan hala tuju kementerian serta melapangkan masanya melawat Bahagian Komunikasi Meteorologi (BKM) dan Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional (POCGN).



Rencana Pengarang

Saudara, Saudari pembaca budiman ...

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Syukur alhamdulillah bertemu lagi kita dalam Berita Meteorologi Edisi Pertama 2020. Sepertimana kebiasaannya setiap awal tahun Jabatan akan sibuk untuk menyelaras dan melaksanakan setiap perancangan yang telah ditetapkan bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan. Namun kali ini cabaran besar terhadap peradaban manusia telah melanda seluruh dunia termasuklah negara kita. Wabak penyakit Covid-19 yang mula dikesan pada Disember 2019 telah merebak sehingga menjadi pandemik. Ini menyebabkan Kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan Covid-19 bermula 18 Mac 2020.

Pelaksanaan dan penguatkuasaan PKP bertujuan memutuskan rantai wabak Covid-19 yang memerlukan kita semua mengamal norma-norma baharu seperti memakai mask, kerap membasuh tangan dengan sabun dan menggunakan hand sanitizer. Bekerja dari rumah (work for home) dan kerja penggiliran telah menjadi sebahagian daripada budaya kerja yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Sepertimana yang dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin bahawa kita semua terus berganding bahu dalam usaha negara menangani wabak ini. Kita telah hampir berjaya tetapi masih belum menang sepenuhnya.

Akhir kata, marilah kita renungkan firman Allah SWT dalam surah al-Insyirah: 5-6.

"Kerana sesungguhnya sesudah kesusahan itu ada kemudahan, Sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan".



Salam Mesra,
Ramlan Ab Rahman
Ketua Pengarang

Rencana Pengarang

SIDANG PENGARANG



Penasihat

YBrs. Maznorizan bt. Mohamad

Ketua Pengarang

En. Ramlan Ab Rahman

Pengarang Eksekutif

Dr. Fariza Yunus

Pengarang

Pn. Lucia Enggong

Pn. Nor Khafiza Manan

Pn. Rosita Galang

Pn. Siti Norbaizura Mat Said

Pn. Marcella James J.

En. Rosmadinor Mohamad

En. Mohd Ridzuan Adam

Pn. Wan Fariza Mustafah

Pn. Dayang Norazila Awang Bima

Pn. Siti Badderiah Hamim

Pegawai Perhubungan Awam

Pn. Malini a/p Kunjappan

Reka Bentuk

En. Ab. Rahman Buang

Pn. Lillian Nasharidah Boney Abdullah

Juru Foto

En. Rosli Abu Bakar

Urus Setia

Pn. Marina Ismail

Pn. Sytee Syafarina Jaafar



Aktiviti Jabatan

LAWATAN ROMBONGAN MENTERI MESTECC PEJABAT METEOROLOGI PULAU PINANG

Pada 20 Januari 2020, YB Menteri Puan Yeo Bee Yin, YB Timbalan Menteri Puan Isnaraissah Munirah Bt.Majilis, Ketua Setiausaha Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah Binti Tapsir dan beberapa orang pegawai dari MESTECC telah melawat Pejabat Meteorologi Pulau Pinang.



Aktiviti Jabatan

LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI MESTECC PEJABAT METEOROLOGI KEDAH

Pada 6 Februari 2020, YB Timbalan Menteri MESTECC, Puan Isnaraissah Munirah bt. Majlis telah melawat Pejabat Meteorologi Kedah.



Aktiviti Jabatan

LAWATAN KERJA KETUA SETIAUSAHA MESTECC KE IBU PEJABAT DAN PEJABAT METEOROLOGI JOHOR

31 Januari 2020

Pada 31 Januari 2020, YBhg. Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah Binti Tapsir, KSU MESTECC telah mengadakan lawatan kerja ke tapak pembinaan Stesen Meteorologi Radar (SMR) Kuantan. Lawatan kerja ini bertujuan untuk melihat perkembangan projek penaiktarafan SMR Kuantan dan memahami dengan lebih jelas mengenai teknologi pencerapan cuaca melalui penggunaan radar meteorologi. Lokasi menara radar baharu ini terletak bersebelahan dengan menara radar Kuantan sedia ada.



Aktiviti Jabatan

6 Mac 2020

YBhg. Datuk Ir. Dr. KSU MESTECC bersama pegawai-pegawai kanan dari MESTECC telah mengadakan lawatan kerja ke Ibu Pejabat, MET Malaysia. YBrs. Encik Jailan bin Simon, Ketua Pengarah MET Malaysia telah menyampaikan taklimat berkaitan fungsi atau perkhidmatan teras di MET Malaysia. Taklimat tersebut turut menekankan tentang evolusi perkhidmatan dan kejayaan yang telah dicapai seperti produk-produk penyelidikan yang telah dibangunkan sendiri oleh pegawai-pegawai MET Malaysia. Selain itu, cabaran-cabaran yang dihadapi di MET Malaysia turut dibentangkan dalam taklimat tersebut. Rombongan YBhg. Datuk Ir. Dr. KSU MESTECC juga telah melawat Bahagian Komunikasi Meteorologi (BKM) dan Pusat Operasi Cuaca & Geofizik Nasional (POCGN).



Aktiviti Jabatan

8 Mac 2020

Susulan daripada lawatan kerja ke Ibu Pejabat Jabatan Meteorologi Malaysia pada 6 Mac 2020, YBhg. Datuk Ir. Dr. KSU MESTECC telah melawat Pejabat Meteorologi Johor pada 8 Mac 2020. Lawatan tersebut yang turut disertai oleh Ketua Pengarah MET Malaysia bertujuan untuk meninjau Projek *Radar Wind Shear Detection System* (WSDS) yang telah beroperasi sejak September 2019 bagi memantapkan perkhidmatan yang dibekalkan kepada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM).



KUNJUNGAN HORMAT TIMBALAN PANGLIMA TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA (TLDM)



Pada 2 Mac 2020, kunjungan hormat Timbalan Panglima TLDM, YBhg. Laksamana Madya Dato' Abdul Rahman bin Hj Ayob telah diadakan di Ibu Pejabat MET Malaysia yang turut dihadiri oleh YBhg. Laksamana Muda Dato' Hanafiah bin Hassan, Ketua Pengarah Pusat Hidrografi Nasional (PHN).

Tujuan utama pertemuan ini adalah untuk membincangkan mengenai cadangan dalam mewujudkan kerjasama yang boleh diadakan di antara TLDM dan MET Malaysia. Antara skop kerjasama yang dibincangkan adalah dari segi latihan yang melibatkan kursus-kursus anjuran PHN dan MET Malaysia. Selain itu, kerjasama dari segi sokongan dalam perkongsian data dan bantuan teknikal, perjawatan dan juga dari aspek pembangunan turut dibincangkan. Bagi merealisasikan kerjasama ini, perancangan kerjasama ini telah dibincangkan secara mendalam berdasarkan pelan tindakan yang telah dirangka oleh pihak TLDM.

Aktiviti Jabatan

PERSARAAN TIMBALAN KETUA PENGARAH (STRATEGIK DAN TEKNIKAL)



YBrs. Puan Maznorizan bin Mohamad yang mulai bersara wajib pada 25 Mac 2020 merupakan seorang pegawai yang berpengalaman luas sepanjang perkhidmatan beliau selama lebih 35 tahun di Jabatan Meteorologi Malaysia dan berkelulusan Sarjana Muda Fizik (Kepujian) dari Universiti Malaya (UM) dan peringkat Sarjana dalam bidang Sains Atmosfera dari Universiti Missouri, Amerika Syarikat. Jabatan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan selamat bersara kepada YBrs. Puan Maznorizan binti Mohamad, Timbalan Ketua Pengarah (Strategik & Teknikal) Jabatan Meteorologi Malaysia. Terima kasih atas segala jasa, pimpinan dan khidmat bakti selama lebih 35 tahun tempoh perkhidmatan beliau.



SESI PERBINCANGAN TEKNIKAL MENGENAI CADANGAN MEWUJUDKAN KERJASAMA DUA HALA TLDM DAN MET MALAYSIA




Sesi perbincangan antara Pusat Hidrografi Nasional (PHN), Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) dan Jabatan telah diadakan di Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Teknikal (BPPT). Sesi perbincangan ini telah dipengerusikan oleh Encik Muhammad Helmi Bin Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah Operasi (TKPO).

Perbincangan ini memfokuskan kepada skop dan hala tuju kerjasama strategik dua hala, terutamanya dalam bidang latihan, pelayaran penyelidikan, perkongsian kepakaran, pemodelan numerikal marin dan produk-produk meteorologi serta oseanografi (MET-OCEAN), khusus untuk kegunaan operasi dan latihan ketenteraan PHN, TLDM.

Aktiviti Jabatan

SESI PERBINCANGAN ANTARA MET MALAYSIA DENGAN PETRONAS DALAM BIDANG METOCEAN

Pada 19 Februari 2020, sesi perbincangan antara wakil jabatan dengan PETRONAS Metocean bertempat telah diadakan di Menara 3 PETRONAS. Sesi perbincangan ini diadakan untuk memperincikan skop kolaborasi dan merangka draf awal kerjasama strategik (MOU) antara MET Malaysia dan PETRONAS berkenaan servis yang diperlukan.



Aktiviti Jabatan

AKTIVITI RESEARCH INDUSTRY SCIENTIFIC EXCHANGE (RISE) 2020 : SESI TRANSFER TECHNOLOGY (TOT) PROJEK MyRaINS BERSAMA MAP2U SDN. BHD.

Sesi *Transfer of Technology* (TOT) di bawah aktiviti RISE telah diadakan pada 4 hingga 6 Februari 2020 bertempat di BPPT. Sesi ini bertujuan meningkatkan kefahaman pihak MAP2U bagi melaksanakan projek MyRaINS.

Mesyuarat pelancaran untuk projek MyRaINS telah diadakan semasa sesi ini untuk membincangkan aliran kerja projek MyRaINS yang akan menghasilkan prototaip aplikasi mobil MyRaINS sebagai output akhir aktiviti RISE 2020.



Aktiviti Jabatan

BENGKEL KUMPULAN INOVATIF & KREATIF

Seramai 70 orang kakitangan Jabatan telah mengikuti Bengkel Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) yang telah diadakan pada 22 hingga 24 Januari 2020 di Auditorium. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk menjayakan program KIK dan memupuk budaya inovasi dan kreativiti.

Puan Noor Diana Hayati Binti Kamarudin dari Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE), Kementerian Pertahanan Malaysia telah menyampaikan ceramah semasa bengkel ini.



Aktiviti Jabatan

LUNCHEON TALK : RADAR QUANTITATIVE PRECIPITATION ESTIMATE PROJECT

Pada 27 Februari 2020, sesi Luncheon Talk yang bertajuk *Radar Quantitative Precipitation Estimate Project* telah diadakan di Auditorium.

Ceramah yang disampaikan oleh Dr. Quah Leong Chuan ini mengetengahkan mengenai kepentingan, isu dan kekangan dalam projek *Radar Quantitative Precipitation Estimate*.



TAKLIMAT DAN BENGKEL PENYEDIAAN SUB MODUL DESKRIPSI TUGAS (JD) HRMIS



Pembangunan Deskripsi Tugas (JD) ini adalah selari dengan Dasar Pengoptimuman Sumber Manusia yang bertujuan untuk memastikan setiap jawatan yang diwujudkan memberi impak maksimum kepada Kerajaan, organisasi dan rakyat.

Bagi memudahkan pelaksanaan arahan dan dasar Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil.4 Tahun 2018 myPortfolio: Panduan Kerja Sektor Awam (PKPA Bil.4/2018), jabatan dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) MESTECC mengadakan Taklimat



dan Bengkel Penyediaan Sub Modul Deskripsi Tugas (JD) HRMIS pada 13 Februari 2020 bertempat di Auditorium, MET Malaysia. Taklimat ini telah disampaikan oleh Encik Mohd Hasim bin Ujang dari JPA dan Puan Marlyza Binti Said, BPSM, MESTECC. Taklimat ini telah memberikan pendedahan kepada 100 peserta dari jabatan dan 70 peserta dari Jabatan Kimia Malaysia yang turut dijemput hadir sebagai rangka kerjasama strategik jabatan di bawah MESTECC.

Aktiviti Jabatan

AKTIVITI MEMANCING UDANG GALAH ANJURAN KELAB KEBAJIKAN DAN SOSIAL METEOROLOGI MALAYSIA

Pada Sabtu, 22 Februari 2020, KKSMM telah mengadakan aktiviti memancing udang galah di Sungai Perak, Teluk Intan. Seramai 18 orang ahli KKSMM dan anggota keluarga telah menyertai aktiviti ini.



Aktiviti Jabatan

MESYUARAT TAHUNAN PUSPANITA METMALAYSIA 2019

Pada 6 Mac 2020, PUSPANITA MET Malaysia telah mengadakan Mesyuarat Tahunan 2019 bertempat di Auditorium. Seramai 103 orang ahli termasuk 4 orang ahli pesara telah hadir dalam mesyuarat tersebut.

Agenda utama mesyuarat adalah pembentangan laporan aktiviti dan kewangan bagi tahun 2019, pemilihan Ahli Jawatankuasa baharu bagi Sesi 2020-2022 serta perbincangan perkara-perkara berbangkit.

Mesyuarat kali ini dipengerusikan oleh Puan Zaiton Binti Mat Amin, Pengerusi PUSPANITA yang baharu. Selain itu, Majlis Penghargaan juga diadakan bagi ahli yang akan bersara bagi tahun 2020.



Aktiviti Pejabat Meteorologi

PEJABAT METEOROLOGI SABAH

01

6 Jan 2020

Pemasangan solar panel di Stesen *Auxiliary* Lumadan Beaufort.



Kursus Pengoperasian Sistem HVAS (Kalibrasi).

9 Jan 2020

02



03

6 Feb 2020

Lawatan Pemeriksaan Genset.



Aktiviti Pejabat Meteorologi

Aktiviti "Jom Sihat & Ceria" Kali Pertama.

11 Feb 2020

04



05

2 Mac 2020

Lawatan Petugas Balai Polis KKIA.



Aktiviti "Jom Sihat & Ceria" PMKK Kali Kedua.

5 Mac 2020

06



Aktiviti Pejabat Meteorologi

07

20 Mac 2020



Lawatan Kontraktor Sistem Brewer Spectrophotometer.



Kalibrasi Rutin Peralatan HVAS.



2 April 2020

08



Aktiviti Pejabat Meteorologi

PEJABAT METEOROLOGI MELAKA

01

26 Feb 2020

Lawatan *International Aero Training Academy*

Seramai 50 orang pelajar dan tenaga pengajar dari *International Aero Training Academy* (IATAC) telah diberi taklimat dan penerangan tentang peranan serta fungsi MET Malaysia.



02

27 Feb 2020

Lawatan *Universiti Teknikal Malaysia Melaka*

Dua orang pensyarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM), Dr. Yogan Jaya Kumar dan Dr. Mohd Riduan Bin Ahmad telah melawat PM Melaka bagi mengetahui dengan lebih dekat mengenai peranan dan fungsi MET Malaysia.



Aktiviti Pejabat Meteorologi

PEJABAT METEOROLOGI NEGERI SEMBILAN

13 Jan 2020

Mesyuarat PM Negeri Sembilan Awal Tahun 2020



13 Feb 2020

Pameran Di Politeknik Nilai



Aktiviti Pejabat Meteorologi

18 Feb 2020

Lawatan Tapak JKR Projek Kuarters Baharu



2 Mac 2020

Pameran SMK Puteri Seremban



4 Mac 2020

Pameran SMK Senaling



Aktiviti Pejabat Meteorologi

10 Mac 2020


Pameran SJK(C) Kelpin Seremban



23 Apr 2020

Proses Sanitasi Pejabat

PM Negeri Sembilan dengan kerjasama Balai Bomba Kuala Pilah telah melaksanakan proses sanitasi di kawasan pejabat sebagai langkah pencegahan.



Aktiviti Pejabat Meteorologi

PEJABAT METEOROLOGI PERLIS



Kunjungan hormat ADUN Indera Kayangan YB Gan Ay Ling
ke PM Perlis pada 4 Februari 2020.

MAJLIS APRESIASI MESTECC 2020



Senarai nama penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2019

- | | |
|------------------------------------|---------------------------------------|
| 1. Maqrun Fadzli bin Mohd Fahmi | 36. Mansor bin Ab Samat |
| 2. Rabiah Al Adawiah binti Zakaria | 37. Lawen anak Kalong |
| 3. Azmi bin Atan | 38. Zainatun Nisa binti Zainol Abidin |
| 4. Dr. Mohamad bin Abd Manap | 39. Abd Wazer bin Ghazali |
| 5. Norasmawati binti Shahlal | 40. Mohd Shamsukamal bin Omar |
| 6. Mohan Kumar a/l Sammathuria | 41. Foroli binti Dungut |
| 7. Aminah binti Ismail | 42. Noorliyana binti Abu Umar |
| 8. Muhammad bin Zakaria Siti M | 43. Arnizani binti Mat Isa |
| 9. Suhaili binti Sahat | 44. Nor Syamimi binti Abd Rahman |
| 10. Sharmijasdy bin Abdul Razak | 45. Sahari bin Osman |
| 11. Nur Syarafina binti Sha'fie | 46. Mohamad Zaidi bin Mat Saad |
| 12. Siti Norbaizura binti Mat Said | 47. Khalithasan a/l Ponnusammy |


Berita Kakitangan

13. Mohd Saharudi bin Saad
14. Norkamalia binti Mohd Yusof
15. Mohammad Mukrim bin Yusof
16. Ismail bin Alias
17. Siti Fariza binti Mat Tahir
18. Arnizah binti Jaafar
19. Nur Syafeenatul Afda binti Rosli
20. Thanarubini a/p Vadiveloo
21. Malini a/p Kunjappan
22. Amirah binti Muhamad Akhir
23. Ahmad Rifaei bin Ahmad Ridzuan
24. Azril Hafiz bin Mohd Hanafi
25. Sim Jui Chey
26. Fauziah binti Abu Yazid
27. Hasnah binti Samsuddin
28. Mohd Azlan bin Mo'min
29. Rooslan bin Jusoh
30. Liberia Stephen Arkadiious
31. Azra binti Mohamed
32. Tan Hang Sing
33. Dayang Nurfazilah Awang Karim
34. Norriah binti Mohd Noh
35. Ting Hsu Mee
48. Abdullah bin Othman
49. Amukat bin Laksan
50. Hussin Fuzi bin Mohamed
51. Robong anak Ragot
52. Mohd Subha bin Mohamed
53. Baidin bin Bungusu
54. Nur Syafiqah binti Samsudin
55. Flidirs anak Sudy
56. Nur Saifulah bin Ahmad
57. Mohd Shaheedan Mohamad Rahzahan
58. Siti Maisara binti Abu Bakar
59. Marlia binti Lailatoh Murad
60. Zunainah binti Hamzah
61. Shamsiah binti Ujang
62. Siti Nurul Bahijah binti Abdullah
63. Farhana binti Aziz
64. Murshida binti Hj Mustapha
65. Haliza binti Osman
66. Syairah binti Sulkapli
67. Roger Edwin Ruden
68. Yusnandar Nyompa
69. Nashrul Azuan bin Saad

Tahniah semua!
Semakin cemerlang
setiap tahun.

Tahniah
dapat APC..semoga
terus cemerlang!

Syukur
Alhamdulillah..



PERSARAAN KAKITANGAN JAN – APR 2020

MUSTAPHA BIN TALIB

Penolong Pegawai Meteorologi Gred C32
Pejabat Meteorologi Terengganu
Tarikh Persaraan: 02 Januari 2020
Tempoh Perkhidmatan: 34 Tahun



SARUDIN BIN CHU

Pembantu Awam Gred H14
Pejabat Meteorologi Pahang
Tarikh Persaraan: 10 Januari 2020
Tempoh Perkhidmatan: 37 Tahun



MANSOR BIN AB SAMAT

Penolong Pegawai Meteorologi Gred C29
Pusat Operasi Cuaca & Gempa Bumi Sabah
Tarikh Persaraan: 19 Januari 2020
Tempoh Perkhidmatan: 39 Tahun



AMINAH BINTI ISMAIL

Pegawai Meteorologi Gred C48
Pusat Iklim Nasional
Tarikh Persaraan: 04 Februari 2020
Tempoh Perkhidmatan: 19 Tahun



SUDY ANAK KADIR @ KADER

Pembantu Awam Gred H14
Bahagian Aplikasi Sarawak
Tarikh Persaraan: 13 Mac 2020
Tempoh Perkhidmatan: 40 Tahun



Berita Kakitangan

**MOHAMADSHA BIN EBUNG**

Penolong Pegawai Meteorologi Gred C38
Pusat Operasi Cuaca & Gempa Bumi Sabah
Tarikh Persaraan: 14 Mac 2020
Tempoh Perkhidmatan: 33 Tahun

**MAZNORIZAN BINTI MOHAMAD**

Pegawai Meteorologi Gred Utama C
Timbalan Ketua Pengarah
(Strategik & Teknikal)
Tarikh Persaraan: 22 Mac 2020
Tempoh Perkhidmatan: 35 Tahun

NG POH CHENG

Penolong Pegawai Meteorologi Gred C32
Bahagian Teknikal Cuaca & Geofizik Nasional
Tarikh Persaraan: 03 April 2020
Tempoh Perkhidmatan: 35 Tahun

**MAZLAN BIN ALI**

Penolong Pegawai Meteorologi Gred C29
Pejabat Meteorologi Kelantan
Tarikh Persaraan: 09 April 2020
Tempoh Perkhidmatan: 35 Tahun

ZAINON BINTI AMIR

Pembantu tadbir (Kewangan) Gred C26
Seksyen Kewangan dan Perolehan
Tarikh Persaraan: 10 April 2020
Tempoh Perkhidmatan: 38 Tahun



Amat ketara pucuk siantan,
Rasa segar tepian titi,
Selamat bersara ufuk ingatan,
Mekar jasa di taman bakti.

Sekalung Penghargaan Kepada Semua Pesara